

8,290 kes baharu di Malaysia

Angka tersebut merupakan yang tertinggi selama empat hari berturut-turut bermula Selasa lalu

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Krisis pandemik Covid-19 semakin buruk apabila Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan sebanyak 8,290 kes positif direkodkan pada Jumaat.

Angka tersebut merupakan yang tertinggi selama empat hari berturut-turut bermula Selasa lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif di Malaysia adalah sebanyak 549,514 kes.

Menurutnya, semua negeri dan wilayah merekodkan peningkatan kes positif Covid-19 dengan Selangor kekal negeri tertinggi iaitu 2,052 kes.

“Ia diikuti oleh Kelantan (851), Kuala Lumpur (830), Johor (762) dan Sarawak (698),” katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, Kedah merekodkan 544 kes, Pulau Pinang (421), Perak (405), Melaka (380), Sabah (308), Pahang (254), Terengganu (207), Putrajaya (44), Perlis (lapan) dan Labuan (enam).

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 72,823 kes aktif di seluruh negara yang mana 808 pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

“Seramai 403 pesakit memer-



DR. NOOR HISHAM

lukan bantuan pernafasan,” katanya.

Menurutnya, jumlah kematian yang dilaporkan adalah sebanyak 61 kes melibatkan Selangor (19), Negeri Sembilan (lapan), Kuala Lumpur (enam), Kedah (lima), Johor (empat), Sarawak (empat), Melaka (tiga), Perak (tiga) Pulau Pinang (dua), Kelantan (dua), Labuan (dua), Terengganu (dua) dan Sabah (satu).

“Jumlah kumulatif kematian adalah sebanyak 2,552 kes,” katanya.

Beliau berkata, seramai 4,814 pesakit telah disahkan

sembuh menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih adalah sebanyak 474,139 kes.



Katanya, KKM mengenal pasti 21 kluster baharu Covid-19 sekali gus menjadikan jumlahnya keseluruhan kluster 2,123.

“Jumlah kluster yang telah tamat adalah 1,509 kluster manakala 614 masih aktif,” katanya.

Berdasarkan data yang dikeluarkan KKM, 21 kluster baharu dikenal pasti membabitkan masing-masing enam kluster tempat kerja dan komuniti, empat kluster keagamaan, tiga kluster pendidikan termasuk pendidikan tinggi.

Selain itu, satu kluster kumpulan berisiko tinggi dan pusat tahanan turut dikesan.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 28 Mei 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	549,514	PULIH:	474,139	ICU:	808	KEMATIAN:	2,552	KES BAHARU	+8,290	SUDAH DIVAKSIN	2,712,376
---------------------	---------	--------	---------	------	-----	-----------	-------	------------	--------	----------------	-----------

KES BAHARU DALAM SEMINGGU

- 28 Mei: 8,290 kes
- 27 Mei: 7,857 kes
- 26 Mei: 7,478 kes
- 25 Mei: 7,289 kes
- 24 Mei: 6,509 kes
- 23 Mei: 6,976 kes
- 22 Mei: 6,320 kes

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 541,224 kes kepada 549,514 kes

